




ANGKAT...dua penduduk Kampung Sungai Raya, Batu 9, Cheras menyelamatkan peralatan rumah mereka.



BAH...Lebuhraya Grand Saga dekat Plaza Tol Batu 9, Cheras digenangi air.



TUMBANG...pokok tumbang menimpa landasan menyebabkan khidmat KL Monorel tergendala tiga jam, semalam.

Waktu Solat

وقت صلاة



DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/Putrajaya	5.42	1.13	4.32	7.19	8.32
Petaling/Shah Alam	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Gombak	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Hulu Selangor	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Hulu Langat	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Sepang	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Rawang	5.41	1.13	4.33	7.19	8.32
Sabak Bernam	5.43	1.15	4.35	7.21	8.32
Klang	5.43	1.15	4.35	7.21	8.32
Kuala Langat	5.43	1.15	4.35	7.21	8.32

UO
Superstore

DATANG & BANDING

Petaling Street - Kuala Lumpur
Chow Kit - Kuala Lumpur
Greentown Shopping Mall - Ipoh
Plaza Angsana, Tampoi - Johor
SuperMart Pantai Hill Park - KL

Untung Orangramai

www.uo.com.my



HABIS KERETA AKU...dua pemilik kereta cuba menyelamatkan kenderaan mereka dalam banjir kilat di Batu 5 1/2 Jalan Cheras, petang semalam. - Gambar BERNAMA

HUJAN LEBAT DUA JAM BANJIRI BANYAK KAWASAN

KL KELAM-KABUT

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mohd Sabran Md Sani
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat luar biasa di ibu kota selama kira-kira dua jam bermula 2 petang semalam, mencetuskan suasana kelam-kabut seketika apabila beberapa lokasi termasuk laluan utama dilanda banjir kilat.

Paling mencemaskan apabila 200 pelajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Confucian, Jalan Sungai Besi, terpaksa dipindahkan serta-merta ke tingkat satu bangunan sekolah terbahit selepas air Sungai Klang berhampiran melimpah.

Dalam kejadian jam 3 petang itu, tembok batu setinggi dua meter yang dibina pi-

hak sekolah untuk mengelak banjir ternyata gagal menghalang air sungai memasuki kawasan sekolah.

Pada masa sama, kawasan di sekitar Taman Miharja, Jalan Cheras, yang didiami keluarga anggota polis Kuala Lumpur turut ditenggelami air setinggi hampir satu meter.

Seorang penduduk, Harizan Che Omar, 34, berkata air banjir tiba-tiba naik hingga paras pinggang dalam tempoh kurang dua minit menyebabkan penduduk di tingkat bawah Blok 9 dan Blok 15 tidak sempat berbuat apa-apa.

Menurutnya, banjir terbahit turut menyebabkan pulu-

han kereta dan beratus motosikal penduduk ditenggelami air termasuk beberapa motosikal milik polis trafik Kuala Lumpur.

Banjir kilat terbabit turut menyebabkan 30 kereta dihanyutkan arus deras seawaktu melalui Damansara Damai ke Sungai Buloh, petang semalam.

Di Cheras, banjir kilat mengakibatkan hampir 50 keluarga yang tinggal berhampiran Sungai Raya di Kampung Sungai Raya, Batu 9, cemas selepas kenderaan mereka dinaiki air sedalam 0.6 meter.

Banjir kilat juga melanda Batu 9 Lebuhraya Cheras-Kajang mengakibatkan ratusan

kenderaan terperangkap dalam kesesakan jalan raya dari kedua-dua arah termasuk menghala ke Kuala Lumpur dan Kajang.

Pada masa sama, penduduk di Taman Tun Perak, Cheras, terdedah bahaya selepas jalan berhadapan Tangki Sedutan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Wilayah Hulu Langat, runtuh hampir satu meter.

Sementara itu, jurucakap bilik operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, paras air di Sungai Klang dan Sungai Gombak naik mencecah dua meter akibat hujan lebat terbabit.